

18/10/2000

Debat: Pas didakwa ada muslihat

PETALING JAYA, Selasa - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad percaya Pas mempunyai muslihat tersendiri apabila mahukan perdebatan diadakan antara sayap Pemuda dan Pergerakan Pemuda Umno.

Beliau berkata, Pas sebenarnya mahu berdebat dengan Umno mengenai hak orang Melayu semata-mata untuk memburukkan nama Umno di kalangan orang bukan Melayu.

"Pas membuat cadangan ini bukan kerana nak debat ... sebenarnya (tetapi) sebagai satu ujian terhadap Umno, nak memburukkan nama Umno kerana kalau Umno bercakap berkenaan dengan hak orang Melayu, mereka harap dengan itu, orang Cina semua akan marah dan tak akan sokong Umno.

"Itu tujuan mereka, bukan mereka nak debat sangat," katanya kepada pemberita selepas menyampaikan ucapan pada persidangan k-ekonomi anjuran Biro Keanggotaan Berbahasa Inggeris MCA di sini hari ini.

Perdana Menteri mengulas saranan pelbagai pihak bahawa perdebatan yang dicadangkan antara Pemuda Umno dan Pas itu lebih banyak mendatangkan keburukan daripada kebaikan selain ia boleh dijadikan isu oleh pembangkang.

Mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno semalam bersetuju debat itu diadakan tetapi tarikh dan moderatornya belum ditetapkan.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Hishammuddin Tun Hussein dan Ketua Pemuda Pas, Mahfuz Omar, masing-masing sudah menyatakan persetujuan.

(END)